

25/04/2001

RM-8 jadikan Malaysia hub ICT dunia

Khairul Anuar Samad; Hizral Tazzif Hisham

PEMBANGUNAN teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menjadi agenda utama yang akan terus diberi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8), sejajar memenuhi matlamat menjadi Malaysia sebuah negara yang mempunyai ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi).

Sehubungan itu, RM-8 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen kelmarin, mumpuntukkan sejumlah RM5.2 bilion untuk melaksanakan pelbagai program dan projek berasaskan ICT sepanjang tempoh 2001 hingga 2005.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) lalu, ICT turut diberi tumpuan dengan persediaan pembangunan prasarana dan persekitarannya yang kondusif khususnya dalam kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC).

RM-8 memperlihatkan prasarana ICT ditingkatkan terutama di kawasan luar bandar dalam usaha merapatkan jurang digital sekali gus membolehkan semua penduduk menikmati peluang saksama memperolehi maklumat dan pengetahuan.

Bagi memangkinkan usaha itu, sebanyak RM1 bilion daripada RM5.2 bilion itu di sediakan ke arah merapatkan jurang digital yang wujud di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Antara perancangannya ialah menerusi program Infodesa, Internet desa, pembekalan perkhidmatan sejagat dan pemberian komputer kepada sekolah luar bandar.

Capaian Internet untuk kemudahan penduduk luar bandar akan disediakan menerusi satelit terutamanya dengan memanfaatkan penggunaan teknologi Terminal Dedahan Amat Kecil (VSAT).

Selain itu, dalam tempoh RM-8, usaha turut diperkukuhkan dalam pembangunan sumber manusia, infrastruktur, perkakasan, perisian dan mewujudkan kumpulan kritikal Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta pengguna Internet.

Sebanyak RM1.8 bilion daripada RM5.2 bilion diperuntukkan ke arah memperluaskan aplikasi perdana gelombang pertama manakala RM1.6 bilion bagi program pengkomputeran di beberapa kementerian dan agensi ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pengguna.

Sementara itu, permintaan pekerja dalam bidang utama ICT seperti jurutera perkakasan dan perisian, juru analisis sistem, pengatur cara komputer dan kakitangan sokongan teknikal di jangka meningkat daripada 108,000 tahun lalu kepada 181,600 menjelang 2005.

Usaha dijalankan ke arah memperbaiki dan memperluaskan pendidikan ICT bagi memenuhi keperluan tenaga ICT.

Pada peringkat sekolah, sebanyak 8,000 sekolah rendah dan menengah akan dibekalkan dengan komputer hingga akhir RM-8 manakala bahan pengajaran dan pembelajaran bantuan komputer turut disediakan.